

# DAN 2.0 fokus tingkat sekuriti makanan

BH  
- 26/10/2021  
mls: 2

Pelaksanaan  
dasar menerusi  
pemodenan,  
pertanian pintar  
kukuh rantaian  
agromakanan

Oleh Saiful Haizan Hasam  
saiful.haizan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang dilancarkan, semalam akan memberi tumpuan khusus terhadap usaha mempertingkatkan sekuriti makanan negara menerusi pemodenan dan pertanian pintar.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, dasar itu akan memperkukuhkan rantaian nilai agromakanan, mempertingkatkan produktiviti dan pendapatan ser-

ta kualiti hidup dalam kalangan pengeluar sektor makanan.

“Bagi mencapai matlamat DAN 2.0, kaedah pertanian pintar menjadi fokus untuk memodenkan sektor ini. Ia bertujuan meningkatkan produktiviti yang merangkumi semua subsektor agromakanan.

“Pertanian pintar ini adalah antara Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030,” katanya.

Perdana Menteri berucap melalui rakaman video pada Majlis Pelancaran DAN 2.0, yang berlangsung secara hibrid di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), di sini.

Yang turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee; dua timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh; serta Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, melalui DAN 2.0 dan do-



Ismail Sabri menyampaikan ucapan pada Majlis Pelancaran DAN 2.0, yang berlangsung secara hibrid di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aizuddin Saad /BH)

kumen pelan tindakan yang disediakan, sektor agromakanan dijangka berkembang pada kadar 4.5 peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Dalam pada itu, beliau turut berpuas hati dengan pencapaian DAN bagi tempoh 2011 hingga 2020, yang dianggap sangat membanggakan berikutan sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat dengan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 6.8 peratus pada 2020.

Perdana Menteri berkata, peningkatan itu adalah hampir 100 peratus berbanding pertumbuhan KDNK pada 2010.

“Jumlah eksport bahan makanan turut meningkat dengan kadar pertumbuhan purata tahu-

nan sebanyak 6.4 peratus iaitu daripada RM18.1 bilion kepada RM33.7 bilion bagi tempoh tahun yang sama.

“Ternyata sektor agromakanan hari ini memiliki nilai tambah yang berpotensi meningkatkan pendapatan di sepanjang rantaian peserta industri,” katanya.

Berkenaan sekuriti makanan, Ismail Sabri berkata, beliau menggariskan fokus transformasi sistem makanan negara pada Persidangan Kemuncak Sistem Makanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), 23 September lalu.

Katanya, fokus itu bakal dilaksanakan melalui DAN 2.0 dengan tempoh pelaksanaannya selari dengan Agenda Pembangunan Mampan 2030.

Beliau berkata, sistem maka-

nan negara perlu diperkukuh supaya lebih berdaya tahan dan mampan, terutama sebagai perediaan menangani krisis global selain pandemik COVID-19, yang mungkin berlaku pada masa akan datang.

Justeru, katanya, kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara pada 25 Mac 2020 bagi merangka dasar sekuriti makanan secara holistik.

“Menerusi platform ini, Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 dibangunkan dengan mengambil kira isu dan cabaran sekuriti makanan negara.

“Semua dasar dan pelan itu akan saling melengkapi bagi menjayakan usaha negara dalam meningkatkan kemampuan sistem agromakanan,” katanya.